



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

## KERUNTUHAN DI KILOMETER 52.4 (LENTANG KE BUKIT TINGGI), LEBUHRAYA KUALA LUMPUR KARAK

Adalah dimaklumkan bahawa Lebuhraya Kuala Lumpur Karak pada masa ini tidak boleh dilalui oleh pengguna-pengguna jalan raya di kedua-dua hala akibat tanah runtuh di kilometer 52.4.

Dengan ini pengguna-pengguna jalan raya dinasihatkan untuk menggunakan jalan alternative seperti berikut:

1. Pengguna jalan raya dari pantai timur menuju ke Kuala Lumpur:
  - i. Keluar di Tol Plaza Karak ke Pelangai – Bahau- Seremban – Kuala Lumpur
  - ii. Melalui Bentong – Karak – Pelangai – Bahau – Seremban – Kuala Lumpur
2. Bagi pengguna jalan raya yang telah terlepas ke Tol Plaza Bentong:
  - i. Buat U-Turn sebelum tol plaza Bentong- Karak- Pelangai-Bahau- Seremban untuk ke Kuala Lumpur
3. Bagi pengguna dari Kuala Lumpur dan yang berada di sekitar hentian rehat Lentang untuk ke Pantai Timur, pengguna boleh:
  - i. Membuat U-Turn ke Kuala Lumpur - Seremban- Bahau – Pelangai – Karak untuk ke pantai timur

Kerja-kerja pembersihan dijangka dapat diselesaikan seawal jam 10 pagi esok (12 November 2015). Walau bagaimanapun, pengguna akan dimaklumkan dari masa ke masa mengenai status kejadian ini.

Untuk mendapat maklumat terperinci mengenai jalan alternatif pengguna dinasihatkan untuk menghubungi **Bilik Gerakan Banjir JKR di no telefon 03-2610 7727 yang beroperasi 24 jam** atau merujuk kepada laman web <http://\bencanaalam.jkr.gov.my>

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**11 NOVEMBER 2015**  
**10.13 MALAM**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kk.gov.my